

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah iktibar daripada kegagalan Kerajaan menangani COVID-19 sehingga kes mencapai rekod tertinggi selepas PKP dan Darurat diisytiharkan dan bukan sebaliknya. Adakah Kerajaan bersedia untuk beralih daripada pembasmian kepada hidup bersama COVID-19 dengan membuka semula sektor ekonomi.

JAWAPAN

**YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tujuan utama kerajaan melaksanakan PKP adalah sebagai langkah memperketatkan kawalan pergerakan awam bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 di negara ini. Selain itu, pendekatan dan langkah-langkah tambahan wajar telah dilaksanakan bagi menampung kekangan yang ada di bawah Akta 342 dan akta-akta lain. Justeru, Proklamasi Darurat telah dilaksanakan sebagai langkah tambahan bagi mengekang penularan wabak COVID-19 yang menjadi ancaman terbesar terhadap pembangunan sosioekonomi negara.
2. Pelbagai inisiatif dan strategi ekonomi telah turut dilaksanakan oleh pihak Kerajaan sebagai persediaan rakyat untuk hidup dalam norma

NO SOALAN: 53

baharu dan pada masa yang sama bagi mengimbangi kesan ke atas sektor-sektor ekonomi. Antaranya, pihak Kerajaan kini giat menggerakkan strategi negara untuk melangkah ke hadapan bersama norma baharu berdasarkan empat (4) elemen utama iaitu:

- (a) Melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai usaha mengurangkan penularan wabak;
- (b) Memperkasa Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bagi membina ketahanan diri;
- (c) Memperkenalkan Pakej-pakej Bantuan dan Rangsangan Ekonomi untuk memastikan kehidupan rakyat terpelihara dan memulih semula ekonomi; dan
- (d) Memperkenalkan Pelan Pemulihan Negara atau PPN sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa daripada krisis COVID-19.

3. Kerajaan pada Ogos 2021 juga telah mengumumkan kemudahan bagi pembukaan pelbagai sektor ekonomi bagi yang telah menerima vaksinasi lengkap di negeri-negeri Fasa 1, 2 dan 3 PPN berkuatkuasa 16 Ogos 2021. Pengoperasian aktiviti tidak perlu (*non-essential*) di dalam sektor-sektor berkenaan juga dibenarkan dan tertakluk kepada kadar vaksinasi lengkap yang telah ditetapkan.

4. Dalam hal ini, Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (LAKSANA) telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kewangan sebagai pemudahcara dan pemantau rapi pelaksanaan inisiatif serta bantuan. Semua strategi dan langkah-langkah yang telah dirancang kini merupakan persediaan pihak Kerajaan untuk beralih daripada pembasmian kepada hidup bersama COVID-19 tidak lama lagi.

Sekian, terima kasih.